

629:
MAHATHIR

1976

KEMAMAN, MEI 5 (BERNAMA) -- TIMPALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED, BERKATA KERAJAAN TIDAK MEMINJAM WANG LUAR NEGERI DENGAN SEWENANG-WENANG TETAPI SENTIASA MENGUKUR KEUPAYAANNYA UNTUK MEMBAYAR BALIK PINJAMAN TERSEBUT.

PINJAMAN-PINJAMAN ADALAH UNTUK MENJAYAKAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN BAGI RAKYAT DAN TIDAK SEKALI-KALI UNTUK MEMBEBANKAN MEREKA, KATA BELIAU DALAM SATU RAPAT UMUM MENYOKONG CALUN BARISAN NASIONAL DALAM PILIHANRAYA KECIL PARLIMEN DI SINI MALAM INI.

KEUPAYAAN MALAYSIA UNTUK MEMBAYAR BALIK PINJAMANNYA ADALAH JAMINAN DAN ASAS KEYAKINAN NEGARA-NEGARA PEMINJAM TERHADAP NEGARA INI, KATA BELIAU.

KATANYA PINJAMAN LUAR JUGA MERINGANKAN BERAN RAKYAT KERANA WANG UNTUK PEMBANGUNAN TIDAK SEMATA-MATA DENGAN MENAIKKAN BERBAGAI CUKAI.

DR. MAHATHIR MENEGASKAN PROSES PEMBANGUNAN MEMAKAN MASA YANG LAMA DAN ADALAH MUSTAHIL BAGI SEMUA RAKYAT MENDAPAT FAEDAH SECARA LANGSUNG TETAPI SETENGAHNYA MENDAPAT FAEDAH SECARA TIDAK LANGSUNG.

BELIAU MENASIHATKAN PARA PENGUNDI DI KEMAMAN SUPAYA JANGAN MUDAH TERBAWA-PAWA OLEH DAKYAH PIHAK YANG HANYA MEMPANGKITKAN KEMARAHAN MEREKA SECARA MEMBURUKKAN KERAJAAN SEMATA-MATA. -- PERSAMPUNG
0007/A1

630:
MAHATHIR 2 KEMAMAN

BELIAU MENGESA PARA PENGUNDI KAWASAN KEMAMAN MEMBUAT PILIHAN YANG BIJAK BAGI MENDAPATKAN PENGGANTI WAKIL MEREKA ALLAHYARHAM DATUK HAJI WAN KADIR ISMAIL.

TERDAHULU DARI ITU DALAM RAPAT UMUM DI AIR PUTEH, 20 FATU DARI SINI, DR. MAHATHIR BERKATA +MUNGKIN CALUN PARTI RAKYAT ENCIK KASSIM AHMAD DIPILIH TETAPI INI TIDAK AKAN MENCACATKAN KEDUDUKAN KERAJAAN MALAHAN SEBALIKNYA RAKYAT KAWASAN INI SAHAJA AKAN RUGI.+

KATA BELIAU PILEHAN RAYA KECIL DI KEMAMAN DIADAKAN KERANA KERAJAAN BERPEGANG KEPADA PRINSIP DEMOKRASI SERTA MENYERAHKAN PILEHAN KEPADA RAKYAT DAN LEBIH DARI ITU MEMBENARKAN PULA PSRM BERTANDING.

DR. MAHATHIR BERTANYA, +ADAKAH INI BUKTI KONONNYA KERAJAAN MENINDAS KEBERASAN RAKYAT SEPERTI YANG DIDAKWA OLEH CALUN PSRM ITU DALAM RAPAT-RAPAT UMUMNYA.+ -- BERNAMA 0010/A1